

07/02/1998

Elak tanding tiga jawatan penting

DUNGUN, Jumaat - Pengerusi Badan Perhubungan Umno Terengganu, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad, mahu semua bahagian di negeri ini mengelakkan pertandingan merebut jawatan ketua, timbalan dan naib ketua bagi mengelakkan perpecahan dalam Umno.

"Secara peribadi, saya mahu melihat tiada pertandingan dalam jawatan berkenaan pada Mac ini, biarlah hanya di peringkat jawatankuasa dan cawangan," katanya.

Beliau sudah dimaklumkan beberapa ketua, timbalan dan naib ketua bahagian akan dicabar pada pemilihan kali ini dan mahu semua pihak terbabit berunding di antara mereka bagi mengelakkan pertandingan.

Wan Mokhtar yang juga Menteri Besar berkata, negara ketika ini menghadapi dua isu besar iaitu penjajahan bentuk baru dan masalah sosial yang gawat dan seharusnya pemilihan jawatan penting dalam Umno tidak menambah masalah kepada negara.

"Dalam keadaan sebegini, negara memerlukan perpaduan yang tinggi di antara rakyatnya dan kebiasaannya jika ada pertandingan, ia menyebabkan perpecahan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan konvensyen pembangunan daerah Dungun di Institut Teknologi Mara Dungun di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas laporan kebanyakan bahagian Umno di negeri ini akan menjadi medan perebutan jawatan penting pada pemilihan Mac ini.

Semua ketua bahagian, kecuali Kemaman yang diketuai Wan Mokhtar, Setiu dan Kuala Nerus tidak akan ditentang, manakala jawatan ketua, timbalan dan naib ketua bahagian Besut, Hulu Terengganu, Marang dan Dungun akan menyaksikan pertandingan.

Wan Mokhtar berkata, mesyuarat jawatankuasa perhubungan Umno negeri dua minggu lalu juga memutuskan semua bahagian mengelakkan pertandingan jawatan penting, selaras dengan permintaan Presiden Umno dan Majlis Tertinggi.

Sementara itu di Setiu, Setiausaha Perhubungan Umno negeri, Datuk Dr Tengku Mahmud Mansor berkata, Perhubungan Umno negeri tidak boleh menghalang mereka yang berhasrat bertanding kerana ada pemimpin memikirkan mereka layak memegang jawatan itu.

Bagaimanapun, beliau berharap pemimpin Umno bahagian cuba mencari jalan supaya tidak berlaku bertanding kerana ia akan menjejaskan perpaduan parti.

"Dalam perlembagaan parti, tidak ada peraturan yang boleh menghalang seseorang ahli bertanding jawatan penting dalam pemilihan bahagian tetapi yang penting mereka perlu mengikut nasihat presiden parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad," katanya.

Bercakap kepada pemberita di majlis perjumpaan Aidilfitri dengan bekas pelatih industri perabot di Kem Bari, dekat sini, hari ini, beliau berkata, Perhubungan Umno negeri tidak akan campur tangan urusan peringkat bahagian, sebaliknya bahagian terbabit perlu menyelesaikan sendiri masalah di bahagian masing-masing.

"Umno negeri hanya akan campur tangan setelah bahagian terbabit meminta bantuan menyelesaikan masalah yang dihadapi di bahagian itu," katanya.

(END)